

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 18 Julai 2016 16:59
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: IPQ MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENULISAN BERITA



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



18 Julai 2016/ 13 Syawal 1437H

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

IPQ MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENULISAN BERITA



IPQ ONLINE : 18 Julai 2016, bagi meningkatkan kualiti penulisan berita, grafik dan fotografi, IPQ telah memberi peluang kepada staf yang bertanggungjawab untuk mempelajari teknik dan cara yang betul dalam penulisan berita.

Dalam ucapan aluan Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah “dengan bengkel yang diadakan hari ini, staf yang terlibat dalam penulisan berita dan fotografi dapat mempelajari dan memperbaiki penulisan berita aktiviti IPQ dengan lebih berkualiti. Semoga ilmu yang di kongsi bersama dengan pengendali bengkel dapat dimanfaatkan sepenuhnya walaupun dalam masa yang singkat”.

Peserta turut didedahkan dengan teknik merekebentuk brosur, mendapatkan idea-idea baru melalui penggunaan [YouTube](#) dan penggunaan *font* bagi merekabentuk buletin, brosur, pamplat dan lain-lain rekabentuk yang dikongsi bersama En. Azizi Arif, Pereka Unit Grafik Jabatan Canselori.

Fotografi juga amat penting dalam memastikan gambar yang kemas, menarik serta susunan gambar yang disertakan bersama berita lebih menepati citarasa pembaca. Pengalaman yang dikongsi oleh En. Hairul Nizam Zahari, Jurufoto Jabatan Canselori sedikit sebanyak dapat membantu peserta untuk memahami kemahiran mengambil gambar dan posisi pengambilan gambar yang betul. Selain itu, turut di ajar penggunaan *Adobe Photoshop* secara ringkas.

Teknik penulisan berita yang disampaikan oleh Cik Nordiana dan En. Mohd Amir Aizat wakil dari Unit Korporat dan Komunikasi, Jabatan Canselori telah membuka minda peserta untuk mengembangkan idea lebih kreatif dalam menulis berita bagi program dan aktiviti IPQ.

Ujar Puan Faizah Hashim “ Walaupun pelaksanaan bengkel ini dalam masa yang terhad, saya telah mempelajari teknik yang betul untuk memantapkan penulisan berita serta pemilihan gambar-gambar yang bersesuaian untuk berita berkenaan, bengkel seumpama ini penting bagi memastikan penulisan sesebuah berita itu baik dan berkualiti serta dapat menjaga imej jabatan”.

Bengkel ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama IPQ. Seramai 11 peserta telah mengikuti bengkel ini yang dengan jayanya.

Habis.

=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 3068/4679/4678/4657

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited.

If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the

official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or

corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.